

# Pesta Kaamatan penuh keunikan

UB 28.5.2014 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

SEMENJAK 54 tahun yang lepas Pesta Menuai yang lebih dikenali sebagai Tadau Kaamatan disambut dengan meriah. Malah pada tahun ini kemeriahannya semakin ketara kerana kedatangannya adalah pada musim cuti persekolahan. Sambutan Pesta Menuai ini amat dialu-alukan oleh semua masyarakat pribumi Sabah semenjak berzaman dan ia sesuatu yang unik dan penuh tradisi.

“Magavau” merupakan upacara perayaan khas untuk menghormati “Bambazon” iaitu semangat padi. Perayaan ini adalah amalan secara tradisi kaum Kadazan Dusun dan Murut sejak zaman berzaman. Upacara “Magavau” ini biasanya diadakan selepas selesai menuai padi. Pesta Kaamatan yang dirayakan saban tahun ini sebenarnya diluluskan oleh Majlis Undangan Kerajaan Koloni sebagai cuti umum Sabah semenjak tahun 1960 lagi, oleh Tun Haji Mohamad Fuad Stephens iaitu Ketua Menteri Sabah yang pertama. Menurut kepercayaan perayaan seumpama ini wajar diteruskan kerana mereka percaya bahawa rezeki yang akan datang bertambah baik dan lumayan.

Upacara penghormatan terhadap semangat padi iaitu padi-padi yang selesai dituai dan selamat dimasukkan ke dalam ketawai (tangkob) iaitu bekas tempat menyimpan padi. Selain itu, perayaan Pesta Kaamatan ini juga mengingatkan masyarakat Kadazan Dusun dan Murut akan rasa penghargaan dan penghormatan masyarakat berkenaan akan Penciptanya (Kinoingan) yang sanggup mengorbankan anak kesayangannya Huminodun untuk menyelamatkan orang-orangnya supaya tidak mati kebuluran.

Kepercayaan ini menjadikan suasana sambutan amat meriah dengan pelbagai aktiviti yang menarik seperti pertandingan Unduk Ngadau, pertandingan bina badan,

tarian Sumazau dan sebagainya. Pelbagai acara yang penuh tradisi menjadi daya tarikan untuk sektor pelancongan negara umumnya dan khususnya ke negeri Sabah dan secara tidak langsung mampu meningkatkan sumber pendapatan kepada masyarakat tempatan. Oleh itu, masyarakat pribumi perlu bersaing dalam memajukan diri terutamanya dalam sektor ekonomi negeri dengan menjadikan kebudayaan yang asli sebagai sumber ekonomi dalam memantapkan kewangan keluarga dan masyarakat. Kalau bukan pribumi yang memajukan sektor ekonomi negeri Sabah siapakah lagi yang sewajarnya? Ada pepatah mengatakan siapa yang mempunyai kemandirian sumber kewangan maka golongan itu yang akan mengawal sesebuah organisasi. Justeru itu, masyarakat pribumi seharusnya bergiat aktif dalam meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap budaya yang dipegang oleh nenek moyang supaya tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas dan juga tidak hilang ditelan zaman. Dalam pada masa yang sama menjadikan keunikan budaya yang diamalkan oleh pribumi Sabah sebagai sumber ekonomi negeri.

Oleh yang demikian dengan tersedianya institusi pengajian tinggi yang ada di Sabah ini harus dimanfaatkan sepenuhnya untuk menggilap bakat dan kebijaksanaan dalam pelbagai bidang. Jadikan institusi-institusi itu sebagai tempat rujukan kepada masyarakat pribumi dalam meningkat dan memantapkan sumber kewangan keluarga dan masyarakat. Alangkah baiknya sekiranya ada di kalangan pribumi yang mengambil manfaat daripada kebudayaan yang diamalkan sebagai satu perniagaan dan bersedia membuat pemasaran ke serata dunia tentang kehebatan budaya masing-masing yang ada di negeri Sabah. Dengan kaedah itu maka berbaloi semangat kotobian dinobatkan sebagai sumber pendapatan utama negeri khususnya dan negara amnya pada satu hari kelak.

\*Penulis adalah Pegawai Psikologi HEP  
UMS